(a)  <i>Aristotle</i>	Video Tutorial Pandangan Tokoh Kedaulatan merupakan <u>kuasa tertinggi</u> dalam <u>pemerintahan</u> sesebuah negara. Kerajaan terikat dengan <u>undang-undang</u>.
(b)  <i>Tunku Abdul Rahman</i>	Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip <u>kebebasan</u> dan keadilan. Sentiasa memperjuangkan <u>kebajikan</u> dan <u>kesejahteraan</u> rakyat.
(c)  <i>Jean Bodin</i>	Kedaulatan merujuk kepada kuasa <u>tertinggi</u> dalam sesebuah negara. Bersifat <u>kekalkan</u> dan tidak terbatas untuk negara membuat <u>undang-undang</u>, mentafsir dan melaksanakannya.
(d)  <i>Tun Dr. Mohamed Salleh Abas</i>	Kedaulatan ialah asas negara yang <u>merdeka</u>, memiliki kebebasan pada peringkat <u>antarabangsa</u> bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan <u>dalam negeri</u> tanpa telunjuk asing.
(e)  <i>Ibnu Khaldun</i>	Kedaulatan merupakan kekuatan sesebuah negara berasaskan semangat <u>kekitaan</u> bangsanya. Kekuatan semangat <u>beragama</u> menyebabkan sesuatu bangsa rela <u>berkorban</u> demi mencapai cita-cita yang sama.

Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S1, K2 Bhgn A, S1(a), (b)**

3. Lengkapkan ayat berikut tentang jenis kedaulatan. TP 3



Jenis kedaulatan

(a) Kedaulatan tradisional

- (i) Sistem pemerintahan berkuasa mutlak.
- (ii) Kedaulatan Raja-raja Melayu bermaksud ketua pemerintah tertinggi yang diperkukuh oleh taat setia rakyat.

(b) Kedaulatan moden


- (i) Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan dan Revolusi Perancis.
- (ii) Selepas Perang Dunia Pertama, kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme yang menggunakan persamaan rumpun bangsa dan bahasa.
- (iii) Kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa lahir hasil gabungan negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963.

(c) Kedaulatan undang-undang

- (i) Bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi.
- (ii) Penting untuk menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat.

(d) Kedaulatan antarabangsa

- (i) Merujuk pengiktirafan terhadap sesebuah negara oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- (ii) Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970 mengesahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa.



PBB

Cuba jawab Praktis Sumatif, K1, S2, S3, S4, K2 Bhgn A, S2(a)

SP 12.1.2 Menerangkan ciri-ciri negara berdaulat


4. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang tepat. **TP 2**

(a) Apakah ciri sebuah negara yang berdaulat?

Negara yang berdaulat mestilah mempunyai pemerintahan bagi menjaga kestabilan politik. Dalam Persekutuan Malaysia, Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong. Ketua kerajaan ialah Perdana Menteri. Selain itu, ciri kedaulatan seterusnya ialah sempadan, iaitu garis pemisah antara negeri atau negara. Ciri berikutnya ialah mempunyai perundangan. Asas bagi sistem perundangan negara kita ialah Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali, ciri sebuah negara berdaulat ialah mempunyai rakyat. Penyatuan pelbagai kaum di Malaysia melalui bahasa, kebudayaan, Rukun Negara dan identiti nasional.

5. Nyatakan ciri negara yang berdaulat. **TP 2**

i-THINK Peta Buih



Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S5, S6**

SP 12.1.3 Menjelaskan akan pentingnya mewujudkan negara berdaulat

6. Berdasarkan maklumat yang diberi, huraikan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat. **TP 4**

Maklumat	Huraian
(a) Keberkesanan pentadbiran	• Memberi kebebasan untuk menjalankan pentadbiran tanpa campur tangan asing. • Pentadbiran dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian. • Pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
(b) Kemakmuran ekonomi	• Pelbagai usaha kerajaan untuk memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat. • Pembangunan ekonomi meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan. • Melalui dasar pembangunan ekonomi negara.
(c) Kesejahteraan sosial	• Pelaksanaan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat. • Bagi melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran. • Dapat memberi sumbangan kepada negara. • Memupuk perasaan muhibah dan perpaduan melalui bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara.
(d) Kecemerlangan hubungan luar negara	• Dasar luar digubal untuk menjalin hubungan dengan negara luar. • Jalinan diplomatik melalui perjanjian dan kerjasama pelbagai bidang membolehkan Malaysia menikmati pelbagai faedah dan mempertahankan kedaulatan. • Keanggotaan dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa dapat meningkatkan imej negara.

Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S7, S8**

7. Lakukan aktiviti berikut. **TP 6**

AKTIVITI PAK-21

Fikir-Pasang-Kongsi

- Guru menunjukkan klip video dari Berita Harian Online.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/770809/kerajaan-tidak-akan-kompromi-isu-kedaulatan-negara-pm>
- Guru akan mengajukan pertanyaan berdasarkan klip video tersebut.
- Murid akan berfikir secara individu untuk menyelesaikan pertanyaan atau permasalahan yang diajukan.
- Ahli kumpulan seterusnya diberi pasangan dan pelajar kemudiannya akan berbincang mengenai jawapan atau penyelesaian kepada masalah yang diajukan.
- Murid akan berkongsi pandangan mereka sama ada kepada pasangan yang lain dalam kumpulan yang sama atau kepada kumpulan lain atau kepada semua ahli di dalam kelas berkenaan.

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

Buku Teks ms. 12 – 15

SP 12.1.4 Menghuraikan langkah-langkah pemerintah dan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara

8. Jawab soalan di bawah dengan tepat dan ringkas. **TP 4**

Nota Visual
 Langkah Pemerintah
 Mempertahankan Kedaulatan
 Negara

(a) Huraikan langkah yang perlu diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara.

Mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Pemerintah perlu mewujudkan pentadbiran yang cekap.

Seperti memastikan agihan sumber kekayaan dilakukan secara adil.

Manakala rakyat perlu memberikan kesetiaan kepada pemerintah.

Contohnya memupuk kerjasama bagi membolehkan agihan kekayaan dinikmati bersama.

(b) Bagaimanakah kerajaan mengukuhkan perpaduan kaum? **KBAT** **Menjana Idea**

Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum / integrasi nasional.

Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan bahasa, pendidikan dan kebudayaan.

Merangka program / kempen bagi memupuk perpaduan.

Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi bagi membiayai program perpaduan.

(c) Bagaimanakah kita sebagai rakyat dapat mempertahankan kedaulatan negara? **KBAT** **Mengaplikasi**

Peka dengan isu keselamatan negara.

Memberikan maklumat isu pencerobohan sempadan.

Mengelakkan kerjasama dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan negara.

Contoh Daish dan ISIS.

Menganggotai pasukan keselamatan atau menjadi sukarelawan.

Sanggup berkorban untuk mempertahankan negara.

 Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S9, S10**
9. Lakukan aktiviti berikut. **TP 5**
AKTIVITI PAK-21

Perbincangan Bebas

(a) Guru menayangkan klip video tentang Zaman Darurat dan bersoal jawab tentang kedaulatan negara.

<https://www.youtube.com/watch?v=wIJZoT0dtp4>
(b) Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membuat perbincangan.

(c) Tajuk perbincangan ialah "kerjasama pemerintah dan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara".

10. Jawab soalan berikut berdasarkan gambar di bawah. **TP 6**



- (a) Apakah langkah mempertahankan kedaulatan negara yang boleh dikaitkan dengan gambar di atas?
Mengukuhkan pertahanan negara.

- (b) Terangkan **dua** peranan pihak berikut dalam langkah tersebut. **KBAT** **Menganalisis**

Peranan pemerintah

- (i) Mengadakan perjanjian pertahanan dan latihan ketenteraan bersama dengan negara serantau dan antarabangsa.
- (ii) Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan.

Peranan rakyat

- (i) Menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara.
- (ii) Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang mengancam kedaulatan negara.

- (c) Apakah ancaman yang dihadapi oleh negara kita pada masa kini? **KBAT** **Menganalisis**
Ancaman pengganas, lanun di Selat Melaka, pencerobohan sempadan negara, pengintipan kuasa luar, banjir pendatang asing tanpa izin, jenayah siber dan tuntutan puak pelampau.

- (d) Jelaskan kesan jika sistem pertahanan negara lemah dan aset ketenteraan mundur. **KBAT** **Menilai**
Mudah dikalahkan oleh musuh. Mengancam kestabilan politik negara. Gagal mempertahankan kedaulatan negara. Dipandang rendah oleh negara jiran dan antarabangsa. Menjadi sasaran kuasa-kuasa besar.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

- (e) Cadangkan cara meningkatkan kekuatan sistem pertahanan negara. **KBAT** **Mencipta**
Menggubal dasar pertahanan negara. Mengadakan latihan ketenteraan dengan negara maju.
Memodenkan aset ketenteraan. Menambah jumlah anggota tentera. Memperketat kawalan di sempadan negara.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

KERTAS 1

1. Gambar berikut merujuk kepada Ibnu Khaldun.

Buku
Teks
ms. 5



Apakah maksud kedaulatan yang dinyatakan oleh tokoh tersebut?

- A Pemerintahan kerajaan yang terikat dengan perundangan
- B Kekuatan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan**
- C Kekuasaan tidak terbatas untuk menggubal undang-undang
- D Prinsip keadilan untuk memperjuangkan kebajikan rakyat

2. Apakah paksi kedaulatan Raja-raja Melayu dalam kedaulatan tradisional?

Buku
Teks
ms. 6

- A Kewibawaan raja**
- B Taat setia rakyat
- C Kuasa mutlak raja
- D Hak asasi rakyat

3. Apakah persamaan kedua-dua revolusi berikut?

Buku
Teks
ms. 6

- Revolusi Keagungan
- Revolusi Perancis

- A Pengiktirafan antarabangsa negara merdeka
- B Pembentukan negara berasaskan bangsa**
- C Kedaulatan negara terletak pada raja
- D Kebebasan bersuara dalam perundangan

4. Apakah kepentingan Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970 kepada negara kita?

Buku
Teks
ms. 7

- A Pembentukan negara berasaskan bangsa
- B Kewibawaan membentuk kerajaan
- C Kebebasan menentukan dasar
- D Prinsip persamaan kedaulatan**

5. Apakah ciri negara yang berdaulat?

Buku
Teks
ms. 8

- I Parlimen
- II Sempadan
- III Pemerintahan
- IV Wilayah pengaruh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III**
- D III dan IV

6. Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri atau negara.

Buku
Teks
ms. 8

Apakah kepentingan sempadan?

- A Membantu kerjasama antarabangsa
- B Membentuk perpaduan serantau
- C Memudahkan pentadbiran**
- D Meluaskan pengaruh


7. Bagaimanakah rakyat di negara kita disatukan?

Buku
Teks
ms. 11

- A Rukun Negara**
- B Demokrasi berparlimen
- C Semangat kenegerian
- D Adat warisan bangsa

8. Rajah berikut merujuk kepada kepentingan negara berdaulat.

Buku
Teks
ms. 10



Apakah X?

- A Kecemerlangan dalam negara
- B Kemakmuran ekonomi**
- C Kekuatan pertahanan
- D Kerjasama politik

9. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat memupuk integrasi nasional?

Buku
Teks
ms. 13

- I Melaksanakan dasar perpaduan nasional
 - II Mengamalkan kebudayaan kebangsaan
 - III Memupuk sikap saling bertoleransi
 - IV Merangka program kebangsaan
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

10. Apakah yang perlu kita lakukan bagi memupuk semangat patriotisme?

Buku
Teks
ms. 14

- I Menyanjung warisan negara
 - II Menggunakan bahasa ibunda
 - III Mengamalkan adat budaya sendiri
 - IV Menghormati lambang kebangsaan
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

KERTAS 2


BAHAGIAN A

Klu Soalan

Menurut Aristotle, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

1. (a) Gambar berikut merujuk kepada sejarawan dunia.

Buku
Teks
ms. 5



Tokoh X



Tokoh Y

Namakan tokoh tersebut:

(i) Tokoh X : Aristotle

(ii) Tokoh Y : Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

[2 markah]

(b) Apakah maksud kedaulatan yang dinyatakan oleh tokoh di 1(a)?

(i) Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Kedaulatan merujuk kerajaan yang terikat oleh undang-undang.

(ii) Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

[4 markah]

(c) Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda menghargai kedaulatan negara?

Menganggotai pasukan keselamatan.

Menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Membeli barangan buatan Malaysia.

Menjaga nama baik dan imej negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

2. Kedaulatan sesebuah negara membolehkan pemerintahan dapat dilaksanakan tanpa campur tangan asing.

Buku
Teks
ms.
6 – 12

(a) Nyatakan **dua** jenis kedaulatan.

- (i) Kedaulatan tradisional
- (ii) Kedaulatan moden
- (iii) Kedaulatan undang-undang
- (iv) Kedaulatan antarabangsa (Mana-mana dua)

[2 markah]

(b) Mengapakah kedaulatan negara perlu dipertahankan?

- Mengelak campur tangan asing.
- Mewujudkan keberkesanan pentadbiran.
- Mengelak ekonomi negara dieksploitasi.
- Mengagih kekayaan negara kepada semua rakyat.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

(c) Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara kita.

- Memperkuh pertahanan negara.
- Menanam semangat setia negara kepada rakyat.
- Menjaga rahsia negara.
- Mengawasi sempadan negara.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

BAHAGIAN B

Buku
Teks
ms.
4 – 5

1. (a) Jelaskan maksud kedaulatan dari sudut bahasa.

[4 markah]

(b) Kedaulatan negara merupakan asas negara yang merdeka.
Berikan pandangan anda berdasarkan pernyataan tersebut.

[8 markah]

(c) Apakah yang akan berlaku sekiranya kuasa asing campur tangan dalam ekonomi negara kita?

[8 markah]

Klu Soalan

Antara peranan pemerintah ialah mewujudkan pentadbiran yang cekap dan mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran. Rakyat hendaklah mematuhi undang-undang dan memberikan kesetiaan kepada raja dan negara.

Buku
Teks
ms.
12 – 14

2. (a) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat dalam mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

[6 markah]

(b) Sebagai rakyat yang patriotik, apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan perpaduan antara kaum?

[6 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah peranan rakyat dalam mengukuhkan patriotisme?

[8 markah]

APLIKASI KBAT



Bebas daripada penjajahan

Mengikut acuan sendiri

Tanpa campur tangan asing

Pelantikan ahli Jemaah Menteri

Menggunakan bahasa kebangsaan

Kestabilan politik dan ekonomi

Gambar merujuk kepada kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.



1. Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada negara kita? **KBAT** Menilai

Peristiwa tersebut penting kepada negara kita kerana negara kita mencapai kemerdekaan dan bebas daripada penjajahan. Selain itu, membolehkan pemimpin negara memerintah mengikut acuan sendiri. Malah negara kita boleh menggubal undang-undang dan juga membangunkan ekonomi tanpa campur tangan kuasa asing.

2. Kedaulatan negara dapat dicapai melalui semangat bertoleransi antara kaum.
Buktikan pernyataan tersebut. **KBAT** Menganalisis

Kedaulatan negara dapat dicapai melalui toleransi antara kaum. Hal ini dibuktikan melalui ahli Jemaah Menteri yang dilantik terdiri daripada pelbagai kaum. Rakyat boleh memilih wakil pemerintah melalui pilihan raya. Toleransi antara kaum juga dapat dilihat melalui perpaduan kaum. Rakyat mengamalkan integrasi nasional menggunakan bahasa kebangsaan dan mengamalkan kebudayaan kebangsaan. Justeru, kerjasama dan tolak ansur antara kaum dapat dicapai.

3. Kedaulatan dapat diwujudkan dengan mengekalkan kemerdekaan negara.
Jelaskan usaha yang perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut. **KBAT** Mencipta

Usaha yang perlu dilakukan bagi mengekalkan kemerdekaan negara ialah mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Selain itu, pemimpin dan rakyat sentiasa berganding bahu untuk mengekalkan perpaduan kaum. Kedaulatan dapat diwujudkan dengan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat. Semangat patriotisme dapat dipupuk dengan menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan terhadap negara.

Perlembagaan Persekutuan

KUASAI Nota Pintas

»» Asas Pembentukan Perlembagaan

1. Undang-undang Negeri Melayu

- (a) Raja sebagai pemerintah.
- (b) Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- (c) Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh Raja.
- (d) Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

2. Undang-undang British (*Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat)

- (a) *Charter of Justice* I (1807)
 - Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.
- (b) *Charter of Justice* II (1826)
 - Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka, Pulau Pinang.
- (c) *Charter of Justice* III (1855)
 - Mewujudkan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

»» Perlembagaan Sarawak

1. Pada bulan Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada Council Negri (Majlis Negeri) membuat undang-undang.
2. Majlis Negeri mengandungi 45 orang ahli yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha.
3. Majlis Tertinggi dipengerusikan oleh Gabenor. Dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara.
4. Pada tahun 1959, Perlembagaan Sarawak telah memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negeri.

»» Perlembagaan Sabah

1. Majlis Undangan dan Majlis Kerja ditubuhkan pada tahun 1950.
2. Majlis Undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang.

»» Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

1. Tahun 1877

- (a) Raja Muda Yusuf mempengerusikan mesyuarat Majlis Negeri Perak bagi menggubal undang-undang Perak.

2. Tahun 1946

- (a) Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.
- (b) Majlis Persekutuan menggubal undang-undang NNMB.
- (c) Majlis Negeri menggubal undang-undang di NNMTB.

3. Tahun 1948

- (a) Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 meliputi bidang pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

4. Tahun 1957

- (a) Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Suruhanjaya Reid) disesuaikan dengan model Westminster.
- (b) Perlembagaan tersebut menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini.

»» Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

1. Ciri tradisional

- (a) **Kesultanan atau pemerintahan beraja**
 - (i) Sultan merupakan pemerintah berdaulat.
 - (ii) Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.
 - (iii) Selepas mencapai kemerdekaan, sistem pemerintahan disesuaikan dengan Demokrasi Berparlimen.
 - (iv) Yang di-Pertuan Agong dilantik sebagai pemerintah tertinggi negara.

(b) Agama Islam

- (i) Semasa zaman British, Raja berkuasa atas agama dan adat istiadat.
- (ii) Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing.
- (iii) Bagi negeri yang tidak beraja dan Wilayah Persekutuan, agama Islam diletakkan di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

(c) Bahasa Melayu

- (i) Menjadi *lingua franca* dan bahasa ilmu.
- (ii) Kini, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita.

(d) Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera

- (i) Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.
- (ii) Selepas negara merdeka, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

2. Ciri moden**(a) Kerajaan Persekutuan**

- (i) Perkara utama dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah mewujudkan satu sistem Kerajaan Persekutuan.
- (ii) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu.
- (iii) Selepas Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberikan kuasa autonomi.

(b) Sistem Demokrasi Berparlimen

- (i) Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum 1955.
- (ii) Tujuan pilihan raya adalah untuk memberi kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.
- (iii) Suruhanjaya Pilihan Raya telah diberi tanggungjawab menjalankan pilihan raya.
- (iv) Pilihan raya Persekutuan memilih wakil membentuk Kerajaan Persekutuan.
- (v) Pilihan raya negeri diadakan untuk memilih wakil membentuk Kerajaan Negeri.

(c) Kewarganegaraan

- (i) Sebelum tahun 1948, tiada satu kewarganegaraan yang sama.
- (ii) Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan rakyat British.
- (iii) Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.

» Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**1. Pindaan Perlembagaan 1963**

- (a) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England.
- (b) Mahkamah tersebut dibahagikan kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.
- (c) Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Persekutuan ditubuhkan.
- (d) Tiga Mahkamah Atasan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu di Sarawak dan Sabah serta di Singapura.
- (e) Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- (f) Perlembagaan Malaysia telah mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan mewujudkan Mahkamah Tinggi Borneo.
- (g) Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim diwujudkan.
- (h) Pada tahun 1994, jawatan tersebut diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.
- (i) Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

2. Pindaan Perlembagaan 1965

- (a) Usul pindaan perlembagaan dinamakan Pindaan Singapura pada 7 Ogos 1965.
- (b) Parlimen meluluskan usul tersebut bagi membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia.
- (c) Semua perkara yang melibatkan Singapura dimansuhkan.
- (d) Contohnya imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan pertahanan.

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

Buku Teks ms. 22 – 24

SP 12.2.1 Memerihalkan latar belakang sejarah perlembagaan negara

1. Lengkapkan ayat berikut. **TP 1**
Nota Visual
 Asas Pembentukan Perlembagaan

Video Tutorial
 Pengenalan


Pengenalan

- (a) Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu Melaka dan prinsip undang-undang Inggeris yang kemudiannya disesuaikan dengan nilai tempatan.
- (b) Undang-undang Negeri Melayu menjelaskan kedudukan raja sebagai pemerintah dan peranan rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- (c) Contoh undang-undang yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah:
- Hukum Kanun Melaka
 - Undang-undang Laut Melaka
- (d) Contoh undang-undang bertulis bagi negeri-negeri Melayu ialah:
- Hukum Kanun Pahang
 - Undang-undang 99 Perak
- (e) Undang-undang British di Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Charter of Justice.
- (f) Di Sarawak, undang-undang yang digubal ialah The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949.
- (g) Di Sabah, terdapat undang-undang yang sama digubal, iaitu Sabah Application of Laws Ordinance 1951.

**Info**
 Hukum
 Kanun
 Melaka
Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S1, S2**2. Lengkapkan rajah berikut. **TP 3****i-THINK** Peta Dakap
Charter of Justice
 di Negeri-negeri
 Selat
Tahun 1807*Charter of Justice I*
 Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.
Tahun 1826*Charter of Justice II*
 Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.
Tahun 1855*Charter of Justice III*
 Mewujudkan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

3. Lengkapkan ayat di bawah. TP 3

(a) Perlembagaan Sarawak

45	Gabenor	Council Negri	Peguam Negara	Majlis Tertinggi	Ketua Setiausaha
----	---------	---------------	---------------	------------------	------------------

Pada bulan Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada Council Negri membuat undang-undang. Mengandungi 45 orang ahli. Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Majlis Tertinggi dipengerusikan oleh Gabenor. Dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara. Perlembagaan Sarawak pada tahun 1959 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri.

(b) Perlembagaan Sabah

1950	Gabenor	undang-undang	Majlis Undangan
------	---------	---------------	-----------------

Ditubuhkan oleh Majlis Undangan dan Majlis Kerja pada tahun 1950. Majlis Undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya.

4. Jawab soalan di bawah dengan tepat dan ringkas. TP 5

(a) Namakan undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat.

Charter of Justice

(b) Apakah matlamat pengenalan undang-undang British di Negeri-negeri Selat?

Melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

(c) Namakan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan di negeri berikut.

(i)	Undang-undang Inggeris di Sabah	<u>Sabah Application of Laws Ordinance 1951</u>
(ii)	Undang-undang Inggeris di Sarawak	<u>The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949</u>

(d) Pada pendapat anda, apakah kepentingan perlembagaan kepada negara? KBAT Menilai

(i) Merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan.


(ii) Menjamin kecekapan, keadilan, ketelusan dan kelancaran pentadbiran sesebuah kerajaan.

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

Buku Teks ms. 25 – 27

SP 12.2.2 Menerangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan

5. Padankan maklumat yang diberi mengikut tahun yang tepat. TP 3



6. Nyatakan perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957. TP 4

- (a) Kewarganegaraan yang sama.
- (b) Kerajaan Persekutuan yang kukuh.
- (c) Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu.
- (d) Parlimen hendaklah mengandungi dua Dewan.
- (e) Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain.



Cuba jawab Praktis Sumatif, K2, Bhgn A, S1(a)

KUASAI PBD 2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

Buku Teks ms. 28 – 29

SP 12.2.3 Menjelaskan ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan

7. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. TP 2

mutlak	kerajaan	rakyat raja	pilihan raya
Sultan	rakyat British	lingua franca	kuasa autonomi
Demokrasi Berparlimen	kedudukan istimewa	bahasa kebangsaan	Suruhanjaya Pilihan Raya
pemerintahan beraja	kepentingan sah	Majlis Mesyuarat Negeri	



- Negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu diperintah berdasarkan sistem pemerintahan beraja.
- Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan berkuasa mutlak bagi negeri masing-masing.
- Malaysia merupakan negara merdeka yang mengamalkan konsep Demokrasi Berparlimen.
- Pada peringkat negeri, sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Negeri.
- Semasa Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu dijadikan sebagai lingua franca. Selepas negara merdeka, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan.
- Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.
- Sebelum merdeka, rakyat di Persekutuan Tanah Melayu dibahagikan kepada rakyat raja dan rakyat British.
- Penyertaan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia memperuntukkan kuasa autonomi kepada kedua-dua negeri tersebut.
- Antara asas sistem demokrasi ialah pilihan raya yang membolehkan rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.
- Bagi memastikan pilihan raya dijalankan secara telus dan adil, Suruhanjaya Pilihan Raya dibentuk bagi melaksanakan pilihan raya sepenuhnya.

Cuba jawab Praktis Sumatif, K1, S7, S8

SP 12.2.3

TAHAP PENGUASAAN

1

2

3

4

5

6



8. Jawab semua soalan berikut. TP 4

- (a) Nyatakan **dua** ciri Perlembagaan Persekutuan.
- (i) Ciri tradisional
 - (ii) Ciri moden
- (b) Apakah ciri-ciri yang terkandung dalam ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?
- (i) Kesultanan atau pemerintahan beraja
 - (ii) Agama Islam
 - (iii) Bahasa Melayu
 - (iv) Kedudukan orang Melayu dan bumiputera
- (c) Apakah ciri yang terkandung dalam ciri moden Perlembagaan Persekutuan?
- (i) Kerajaan persekutuan
 - (ii) Sistem demokrasi berparlimen
 - (iii) Kewarganegaraan
- (d) Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?
- Baginda berperanan memelihara kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta memelihara kepentingan sah kaum lain.
- (e) Apakah status kerakyatan yang diguna pakai di Tanah Melayu sebelum Persekutuan Tanah Melayu 1948 dibentuk?
- Rakyat Raja bagi orang Melayu di Tanah Melayu dan Rakyat British sekiranya dilahirkan di Melaka atau Pulau Pinang.

9. Lakukan aktiviti berikut. TP 6

AKTIVITI PAK-21

Pusingan dan Pendapat

- (a) Guru memberikan maklumat berkaitan perlembagaan negara.
https://ms.wikipedia.org/wiki/Persekutuan_Tanah_Melayu
- (b) Setiap murid diberikan kertas nota untuk membuat catatan dan melontarkan pendapat tentang kepentingan mendaulatkan perlembagaan negara.
- (c) Pusingan 1 – Murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan menulis maklumat pada kertas nota.
- (d) Pusingan 2 – Setiap murid bergerak dari satu stesen ke stesen lain dan membaca nota murid lain serta membincangkan pendapat masing-masing.
- (e) Sesi ulasan daripada guru dan rumusan oleh murid.



SP 12.2.4 Meghuraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

10. Jawab semua soalan berikut. TP 4



Nota Visual
Pindaan Perlembagaan
Persekutuan 1963

- (a) Apakah tujuan pindaan Perlembagaan 1963 dilakukan?

Pindaan perlembagaan bertujuan untuk menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri sedia ada.

- (b) Nyatakan **tiga** perkara dalam pindaan Perlembagaan 1963.

(i) Struktur Mahkamah Atasan

(ii) Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

(iii) Jawatan Yang di-Pertua Negeri



**Video
Tutorial**



Pindaan
Perlembagaan
1963

- (c) Jelaskan struktur Mahkamah Atasan.

Struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikan mahkamah kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan dibentuk iaitu Mahkamah Persekutuan Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

- (d) Mengapakah pindaan Perlembagaan 1965 dilakukan?

Pindaan Perlembagaan 1965 dilakukan kerana berlaku peristiwa pemisahan Singapura.

- (e) Bagaimanakah pindaan Perlembagaan 1965 dilaksanakan?

Pindaan Perlembagaan 1965 dilaksanakan apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan ke Parlimen pada 7 Ogos 1965. Parlimen meluluskan pindaan ini yang membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia. Semua perkara berkaitan Singapura seperti imigresen, kewangan, pertahanan dan hubungan luar negara dimansuhkan.

Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S9**

11. Lakukan aktiviti berikut. TP 4

AKTIVITI PAK-21

Peta Pemikiran

- (a) Bahagikan murid mengikut kumpulan.
(b) Hasilkan peta pemikiran berdasarkan soalan berikut:
- Mengapakah pindaan perlu dilakukan dalam perlembagaan negara?
 - Berdasarkan pindaan Perlembagaan 1965, berikan justifikasi kepentingan pindaan tersebut.
 - Berdasarkan rujukan yang sesuai, huraikan pelaksanaan pindaan perlembagaan.

KERTAS 1

1. Bagaimanakah sistem perundangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka digubal?

Buku
Teks
ms. 22

- ☒ A Ditetentukan oleh raja
- ☐ B Ditetapkan oleh pembesar
- ☐ C Digubal oleh Jemaah Menteri
- ☐ D Dimusyawarahkan oleh menteri

2. Mengapakah berlaku penyerapan undang-undang Inggeris dalam sistem perundangan di negara kita?

Buku
Teks
ms. 23

- ☐ A Pengiktirafan antarabangsa
- ☐ B Pemodenan pentadbiran
- ☒ C Penjajahan kuasa asing
- ☐ D Penyesuaian budaya

3. Apakah kepentingan Perlembagaan Sarawak pada tahun 1959 kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri?

Buku
Teks
ms. 24

- ☐ A Pembentukan badan perundangan
- ☒ B Pemberian kuasa pentadbiran
- ☐ C Pemantapan pemerintahan
- ☐ D Pengagihan hak autonomi

4. Sekiranya anda telah memenangi pilihan raya dan menjadi anggota Parlimen pada tahun 2013. Apakah peranan anda pada masa tersebut?

Buku
Teks
ms. 25

- ☐ A Menjadi ketua pemerintah
- ☒ B Meminda perlembagaan
- ☐ C Memerintah negara
- ☐ D Melaksanakan dasar

5. Senarai berikut merujuk kepada kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Buku
Teks
ms. 26

- Kuasa raja Melayu
- Perundangan
- X

Apakah X?

- ☐ A Bahasa kebangsaan
- ☐ B Kebudayaan
- ☐ C Agama rasmi
- ☒ D Kewarganegaraan

6. Apakah perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?

Buku
Teks
ms. 27

- I Kewarganegaraan yang sama
- II Kedudukan istimewa orang Melayu
- III Bahasa ibunda sebagai bahasa rasmi
- IV Terdapat tiga Dewan dalam Parlimen
- ☒ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

7. Apakah kedudukan agama Islam semasa penjajahan British?

Buku
Teks
ms. 29

- ☐ A Kutipan zakat diletakkan di bawah Residen
- ☐ B Penasihat British berkuasa menasihati raja
- ☐ C Gabenor campur tangan dalam agama
- ☒ D Raja berkuasa penuh terhadap agama

8. Bagaimanakah lantikan pemimpin dilakukan di Sarawak dan Sabah sebelum menyertai Malaysia?

Buku
Teks
ms. 29

- ☐ A Dipilih oleh Gabenor British
- ☐ B Diwakili oleh ketua peribumi
- ☐ C Pilihan raya umum peringkat negeri
- ☒ D Sistem pemilihan secara tidak langsung

9. Apakah bidang kuasa Mahkamah Persekutuan?

Buku
Teks
ms. 30

- ☐ A Mendengar mana-mana persoalan berkaitan undang-undang negeri
- ☒ B Menyelesaikan pertikaian antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan
- ☐ C Menghakimi kes-kes pertikaian melibatkan negara serantau
- ☐ D Mendengar rayuan bagi hukuman mati mandatori

10. Yang di-Pertua Negeri Sabah menjalankan tugasnya dengan mendapat nasihat

Buku
Teks
ms. 31

- ☐ A Ketua Menteri
- ☐ B Jemaah Menteri
- ☒ C Kabinet Negeri
- ☐ D Majlis Tertinggi

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Klu Soalan

Terma yang diguna pakai ialah Kerajaan Persekutuan yang kukuh, kedudukan Raja-raja dan orang Melayu serta kepentingan sah kaum lain. Antara isu sensitif yang tidak boleh dipertikaikan dalam Perlembagaan Malaysia ialah kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, kewarganegaraan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam agama rasmi.

1. Penggubalan perlembagaan negara kita telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.

Buku
Teks
ms.
26 – 27

(a) Apakah terma yang diguna pakai dalam menggubal perlembagaan tersebut?

(i) Kerajaan Persekutuan yang kukuh.

(ii) Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu.

(iii) Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu.

(iv) Menjamin kepentingan sah kaum lain.

(v) Parlimen mengandungi dua dewan / Dewan Rakyat / Dewan Negara.

(vi) Kewarganegaraan yang sama.

(Mana-mana tiga)

[3 markah]

(b) Apakah isu-isu sensitif yang tidak boleh dipertikaikan dalam Perlembagaan Malaysia?

(i) Kedudukan Raja-raja Melayu.

(ii) Kedudukan istimewa orang Melayu.

(iii) Kewarganegaraan.

(iv) Bahasa Melayu bahasa kebangsaan.

(v) Agama Islam agama rasmi.

(Mana-mana tiga)

[3 markah]

(c) Mengapakah isu di 1(b) tidak boleh dipertikaikan?

Merenggangkan hubungan antara kaum.

Mencetuskan perasaan perkauman.

Menimbulkan rusuhan antara kaum.

Menggugat kedaulatan Raja-raja Melayu.

[4 markah]

2. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi negara yang mempunyai ciri tradisional dan ciri moden.

Buku
Teks
ms.
28 – 29

(a) Mengapakah perlembagaan negara kita menerapkan kedua-dua ciri tersebut?

Mengekalkan nilai tradisional.

Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Diubahsuai apabila negara dijajah oleh British.

Pemodenan dari sudut pentadbiran.

[2 markah]

- (b) Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan negara kita mengamalkan sistem demokrasi. Jelaskan kepentingan pengamalan sistem demokrasi tersebut.

Pengamalan pilihan raya.

Bagi memilih wakil pemimpin.

Secara telus dan adil.

Bersuara secara bebas tentang hak rakyat.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

- (c) Pengamalan sistem demokrasi dapat mengekalkan kestabilan politik negara. Berikan hujah anda.

Menegakkan hak asasi rakyat.

Melalui pilihan raya.

Pemimpin yang berkaliber dipilih.

Membangunkan negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

BAHAGIAN B

Klu Soalan

Undang-undang Negeri Melayu menetapkan raja sebagai pemerintah yang menentukan undang-undang dan sistem pemerintahan kerajaan. Rakyat memberikan taat setia. British memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat dikenali sebagai *Charter of Justice* yang diambil daripada undang-undang yang digubal di England.

1. Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi panduan kepada kerajaan yang memerintah.

Buku
Teks
ms.
22 – 23

- (a) Jelaskan undang-undang berikut:

(i) Undang-undang Negeri Melayu

[4 markah]

(ii) Undang-undang Inggeris

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah kerajaan memastikan perlembagaan negara dikuatkuasakan sepenuhnya di negara ini?

[6 markah]

- (c) Keluhuran Perlembagaan merupakan prinsip Rukun Negara ketiga.

Cadangkan langkah yang perlu diambil bagi memastikan prinsip tersebut dihayati oleh generasi muda.

[6 markah]

2. (a) Jelaskan perkara yang menjadi terma rujukan dalam penggubahan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Buku
Teks
ms.
27 – 30

[4 markah]

- (b) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Huraikan perkara utama dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah tujuan pindaan dibuat pada Perlembagaan Persekutuan? Jelaskan kesan sekiranya pindaan tersebut tidak dibuat.

[8 markah]

APLIKASI **KBAT**



Melicinkan
pentadbiran negara

Menjaga
kedaulatan negara

Pemerintahan
beraja masih kekal

Amalan demokrasi
berparlimen

Mematuhi undang-
undang negara

Melindungi hak asasi
rakyat

1. Jelaskan kepentingan perlembagaan dalam negara kita.

Melicinkan pentadbiran negara.

Menjadi panduan kerajaan yang memerintah.

Memelihara perpaduan kaum.

Menjaga kedaulatan negara.

Menjadi lambang kedaulatan negara.

2. Penggubalan Perlembagaan Persekutuan menggabungkan ciri tradisional dan ciri moden. Apakah rasional penggabungan tersebut? **KBAT** Menilai

Sistem pemerintahan beraja masih diamalkan.

Agama Islam dianuti oleh majoriti penduduk di Malaysia.

Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dan komunikasi.

Penjajah British telah memperkenalkan undang-undang berdasarkan demokrasi.

Pengenalan pilihan raya menghapuskan sistem feodal.

Demokrasi berparlimen memberi peluang kepada rakyat mentadbir mengikut acuan sendiri.

3. Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi yang menjadi teras dalam pemerintahan negara. Bagaimanakah kita dapat mempertahankan ketertinggian tersebut? **KBAT** Mencipta

Mematuhi undang-undang negara.

Tidak mempertikaikan dasar dan undang-undang negara.

Menghormati keluhuran perlembagaan negara.

Menghormati institusi kehakiman yang mentafsir perlembagaan.

4. Buktikan penggubalan Perlembagaan Persekutuan menekankan kepentingan semua kaum. **KBAT** Menganalisis

Memberi keadilan kepada semua kaum. Melindungi hak asasi rakyat. Semua pihak berpuas hati dan tidak mencetuskan sebarang masalah. Memelihara keamanan negara dan menjamin kepentingan ekonomi. Memelihara kestabilan politik dan mengukuhkan kerjasama politik. Memantapkan sistem pentadbiran dan pemerintahan negara.

Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

KUASAI Nota Pintas

»» Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1. Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka
2. Sebelum Perang Dunia Kedua
3. Semasa Pendudukan Jepun
4. Selepas Perang Dunia Kedua
5. Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Selepas Merdeka

»» Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

1. Pembentukan Durbar NNMB

- (a) Dibentuk pada 1897 sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

2. Majlis Sultan-sultan semasa Malayan Union (*The Council of Sultans*)

- (a) Dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union.
- (b) Ahli majlis terdiri daripada 9 orang Raja Melayu dan 3 pegawai kanan British.
- (c) Berfungsi untuk membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.
- (d) Tidak dapat diwujudkan kerana penentangan terhadap Malayan Union.

3. Majlis Raja-Raja semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948

- (a) Ditubuhkan secara rasmi apabila Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Malayan Union.
- (b) Majlis ini dilengkapi kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya.
- (c) Diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu. Pengerusi ditentukan dalam kalangan 9 orang Raja-raja Melayu.
- (d) Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja untuk memeterai keputusan persidangan.

4. Majlis Raja-Raja selepas merdeka

- (a) Peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan.
- (b) 1957 – Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang menjadi ahli.
- (c) 1963 – Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah turut menjadi ahli.
- (d) Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas melibatkan institusi beraja seperti pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

»» Fungsi Majlis Raja-Raja

1. Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
2. Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
3. Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.
4. Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.
5. Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
6. Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.
7. Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

»» Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

1. Dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri.
2. Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.
3. Menurut Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
4. Yang di-Pertuan Agong lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.

» Kuasa dan Peranan Yang di-Pertuan Agong

1. Kuasa Eksekutif

- (a) Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.
- (b) Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri.
- (c) Melantik jawatan penting seperti Peguam Negara dan Panglima Angkatan Tentera.
- (d) Pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.
- (e) Melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
- (f) Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka menjalankan tugas di Malaysia.

2. Kuasa Perundangan

- (a) Memperkenalkan Rang Undang-undang yang melalui pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- (b) Memanggil, memberhenti dan membubarkan Parlimen.
- (c) Ketua Agama Islam bagi negeri baginda, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- (d) Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum lain.
- (e) Boleh mengisytiharkan darurat jika wujud keadaan yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

3. Kuasa Kehakiman

- (a) Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.
- (b) Bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan.
- (c) Berkuasa mengampun, menangguh dan meringankan hukuman di Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

» Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

1. Amalan pilihan raya

- (a) Pilihan raya diadakan dalam tempoh lima tahun.
- (b) Parti-parti politik bertanding bagi memperoleh mandat daripada rakyat untuk membentuk kerajaan.

2. Kebebasan asasi

- (a) Kebebasan diri.
- (b) Kebebasan beragama.
- (c) Hak berkenaan dengan pendidikan.
- (d) Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.

3. Pengasingan kuasa dalam pemerintahan

- (a) Terbahagi kepada Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman.
- (b) Bidang kuasa badan tersebut ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan.

» Badan Perundangan

- 1. Berperanan menggubal undang-undang di negara kita.
- 2. Bagi peringkat Kerajaan Persekutuan, badan perundangan ialah Parlimen.
- 3. Bagi peringkat Kerajaan Negeri, badan perundangan ialah Dewan Undangan Negeri (DUN).

(a) Parlimen

- (i) Merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia.
- (ii) Terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- (iii) Melambangkan demokrasi dan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih.
- (iv) Berkuasa menggubal undang-undang.
- (v) Boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan meluluskan sistem cukai yang baharu.

(b) Yang di-Pertuan Agong

- (i) Tonggak kuasa dalam badan perundangan.
- (ii) Memperkenalkan Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

(c) Dewan Rakyat

- (i) Dewan Perwakilan.
- (ii) Ahli dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
- (iii) Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

(d) Dewan Negara

- (i) Dikenali juga sebagai Dewan Senat.
- (ii) Dewan tertinggi dalam sistem perundangan.
- (iii) Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.

(e) Dewan Undangan Negeri (DUN)

- (i) Terdapat di setiap negeri di Malaysia, kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- (ii) Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen sahaja.

- (iii) Terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).
- (iv) Berperanan menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

»» **Badan Eksekutif**

1. Merupakan badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan.
2. Badan eksekutif pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri.
3. Badan eksekutif pada peringkat Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
 - (a) **Jemaah Menteri (Kabinet)**
 - (i) Terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri.
 - (ii) Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.
 - (iii) Tugas Jemaah Menteri ialah menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.
 - (iv) Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.
 - (v) Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen.
 - (vi) Menteri hendaklah mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
 - (vii) Jika seseorang Menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau perlu meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri.
 - (b) **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**
 - (i) Kuasa eksekutif pada peringkat negeri terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
 - (ii) Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (*Executive Council*).
 - (iii) Badan eksekutif di Sarawak dan Sabah dikenali sebagai Kabinet Negeri.
 - (iv) Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

»» **Badan Kehakiman**

1. Badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.
2. Diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah. Hakim dilantik untuk menegakkan sistem kehakiman dan keadilan di negara kita.
3. Hakim mestilah bebas daripada politik untuk memelihara integriti sebagai badan yang menjamin keadilan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.
4. Badan kehakiman berperanan mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat ataupun sesama rakyat.
5. Badan kehakiman berperanan menyelesaikan konflik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
6. Fungsi badan kehakiman bergantung pada status mahkamah sama ada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas.
7. Mahkamah Khas terdiri daripada Mahkamah Tentera dan Mahkamah Khas Raja-raja.
8. Terdapat juga mahkamah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah.

»» **Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita**

1. **Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran**
 - (a) Mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik yang mempunyai pelbagai bangsa, agama dan budaya.
2. **Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran**
 - (a) Mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara.
3. **Kuasa budi bicara raja**
 - (a) Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.
4. **Kerjasama politik**
 - (a) Menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan bagi memastikan suara setiap kaum didengari.

KUASAI PBD 3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

Buku Teks ms. 38 – 41

SP 12.3.1 Memerihalkan latar belakang sistem pemerintahan beraja dan demokrasi berparlimen

1. Gariskan jawapan yang betul. TP 1

- Semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, raja berkuasa (mutlak / autokratik).
- Kedatangan agama Islam ke Melaka menjadikan raja sebagai (penasihat / ketua) agama Islam.
- Sebelum Perang Dunia Kedua, Negeri-negeri Melayu Bersekutu menerima (Sistem Penasihat / Sistem Residen).
- Dalam pemerintahan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Raja-raja Melayu dikehendaki menerima nasihat daripada (Residen / Gabenor).
- Semasa pendudukan Jepun, kedudukan Raja-raja Melayu diletakkan di bawah kuasa (Jeneral / Gabenor) Jepun.
- Selepas Perang Dunia Kedua, (Malayan Union / Persekutuan Tanah Melayu) telah diisytiharkan.
- Selepas merdeka pada 31 Ogos 1957, ketua negara Persekutuan Tanah Melayu dikenali sebagai (Yang di-Pertua Negeri / Yang di-Pertuan Agong).
- Dalam negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen, rakyat berhak memilih wakil mereka melalui (musyawarah / pilihan raya) bagi membentuk kerajaan.

Cuba jawab Praktis Sumatif, K1, S1, K2, Bhgn B, S1(b)

2. Padankan jawapan dengan zaman yang sesuai. TP 2


(a) Kesultanan Melayu Melaka	H	A	Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara.
	I	B	Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan semasa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.
	L	C	British memerintah secara langsung melalui Gabenor Malayan Union.
(b) Sebelum Perang Dunia Kedua	K	D	Pilihan raya dibentuk bagi membolehkan rakyat memilih wakil pemimpin.
	E	E	Penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor menyerlahkan pemerintahan Raja Berperlembagaan di Johor.
(c) Semasa Pendudukan Jepun	F	F	Raja memperoleh pendapatan sama seperti zaman penjajahan British.
	J	G	Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara.
(d) Selepas Perang Dunia Kedua	B	H	Keabsahan pemerintahan berdasarkan kedaulatan Raja-raja Melayu.
	C	I	Sistem perundangan berasaskan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
(e) Selepas Merdeka	A	J	Kedudukan Raja-raja Melayu di bawah pengawasan Gabenor Jepun.
	D	K	Sistem Residen diguna pakai di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
	G	L	Raja berkuasa mutlak.



SP 12.3.1 Menerangkan sejarah dan kedudukan institusi Majlis Raja-Raja

3. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. **TP 3**

- (a) Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan NNMB.
- (b) Durbar berperanan sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu bagi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
- (c) Perlembagaan Malayan Union 1946 telah memperuntukkan penubuhan Majlis Sultan-Sultan.
- (d) Fungsi Majlis Sultan-Sultan termasuklah membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam dan menasihati Gabenor Malayan Union.
- (e) Majlis Raja-Raja ditubuhkan apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk bagi menggantikan Malayan Union.
- (f) Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan sembilan orang Raja-raja Melayu.
- (g) Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja berperanan untuk memeterai keputusan persidangan.
- (h) Selepas merdeka, anggota Majlis Raja-Raja ditambah apabila Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang dilantik.

Cuba jawab **Praktis Sumatif, K1, S3**
4. Lengkapkan peta pemikiran berikut. **TP 4**
i-THINK Peta Buih
Nota Visual
 Kedudukan Majlis
 Raja-raja
Cuba jawab **Praktis Sumatif, K2, Bhgn B, S1(a)**

SP 12.3.3 Menjelaskan kedudukan serta kuasa Yang di-Pertuan Agong dan raja dalam Perlembagaan Persekutuan

5. Bina ayat daripada kata kunci yang diberikan. **TP 4**

Nota Visual
 Kuasa Yang di-Pertuan Agong

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong Nota Visual Senarai Yang di-Pertuan Agong	Dipilih	Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah sembilan buah negeri.
	Negeri	Negeri yang terlibat ialah Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu.
	Majlis Raja-Raja	Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja.
	Perlembagaan	Pemilihan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.
	Timbalan	Timbalan Yang di-Pertuan Agong dipilih berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.
	Kedudukan	Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
	Prosiding	Tidak boleh dikenakan sebarang prosiding di dalam mana-mana mahkamah.
	Lima	Tempoh memegang jawatan selama lima tahun.
	Letak jawatan	Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya kepada Majlis Raja-Raja.
	Pecat	Yang di-Pertuan Agong boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja.
	Berhenti	Yang di-Pertuan Agong hendaklah berhenti memegang jawatannya apabila berhenti menjadi Raja.

Cuba jawab **Praktis Sumatif**, K1, S5, S6 K2, Bhgn A, S1(a), (b)

6. Lakukan aktiviti berikut. **TP 5**

Pendidikan Sivik 3
AKTIVITI PAK-21
Perbincangan

- Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
- Aktiviti seterusnya berdasarkan aras.
 - Jelaskan cara pemilihan Yang di-Pertuan Agong dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai.
 - Dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai, cerakinkan bidang tugas Yang di-Pertuan Agong.
 - Huraikan kepentingan Raja Berperlembagaan dalam negara kita hari ini.
- Pembentangan daripada murid.
- Murid lain memberikan komen jawapan yang diberi.
- Guru membuat kesimpulan daripada pembentangan yang dibuat.

SP 12.3.3

7. Tandakan (✓) pada kuasa Yang di-Pertuan Agong yang betul. TP 2

	Huraian	Kuasa Eksekutif	Kuasa Perundangan	Kuasa Kehakiman
(a)	Melantik diplomat Malaysia ke luar negara.	✓		
(b)	Menjadi pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.	✓		
(c)	Berkuasa mengisytiharkan darurat jika keadaan mengancam keselamatan awam.		✓	
(d)	Mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang dan membubarkan Parlimen.		✓	
(e)	Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak.		✓	
(f)	Melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.	✓		
(g)	Berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera.			✓
(h)	Merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.		✓	
(i)	Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.	✓		
(j)	Melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.	✓		

KUASAI PBD 3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

Buku Teks ms. 50 – 55

SP 12.3.4 Menghuraikan ciri dan amalan demokrasi serta pengasingan kuasa di peringkat persekutuan dan negeri

8. Jawab soalan berikut. **TP 4**

(a) Senaraikan elemen penting dalam amalan demokrasi di negara kita.

Pilihan raya, kebebasan asasi dan pembahagian kuasa dalam pemerintahan.



Video



Kempen Mengundi Pilihan Raya

(b) Apakah tujuan diadakan kempen pilihan raya?

Membolehkan rakyat mengenali calon dan memahami manifesto parti yang bertanding.

(c) Nyatakan kepentingan pilihan raya kepada rakyat. **KBAT Menilai**

Membuka peluang yang adil kepada rakyat untuk terlibat dalam politik negara.

9. Huraikan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan berikut. **TP 5**

Kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan	Huraian
(a) Kebebasan diri	Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.
(b) Kebebasan beragama	Islam ialah agama Persekutuan. Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing.
(c) Hak berkenaan dengan pendidikan	Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.
(d) Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan	Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan.

10. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah. TP 2

(a) Yang di-Pertuan Agong merupakan punca kuasa kepada badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.	✓
(b) Parlimen mempunyai dua komponen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara.	X
(c) Parlimen boleh membuat pindaan undang-undang.	✓
(d) Anggota Dewan Negara boleh dipilih dalam kalangan Senator yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.	✓
(e) Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.	✓
(f) Di peringkat negeri, kuasa eksekutif terletak pada Menteri Besar.	X
(g) Peranan badan kehakiman ialah menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.	✓
(h) Mahkamah Syariah merupakan sebahagian daripada Mahkamah Atasan.	X
(i) Pengasingan kuasa dalam pemerintahan negara menyebabkan ketidakseimbangan politik.	X
(j) Hakim mestilah bebas daripada pengaruh politik bagi menjamin keadilan.	✓

11. Jawab semua soalan berikut. TP 4

- (a) Sistem Jemaah Menteri diamalkan di Kelantan. Senaraikan Jemaah Menteri di negeri tersebut.

[Jemaah Penasihat Raja](#)

[Jemaah Menteri Istana](#)

[Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman](#)

[Jemaah Menteri Dalam Negeri](#)

[Jemaah Menteri Luar](#)

[Jemaah Menteri Perbendaharaan](#)

[Jemaah Menteri Peperangan](#)

[Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri](#)



**Video
Tutorial**



Sistem Jemaah
Menteri Kelantan

- (b) Nyatakan peranan Jemaah Menteri dalam negara kita pada masa kini.

[Menggubal dasar negara.](#)

[Melaksanakan pembangunan negara.](#)


[Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin Kerajaan Persekutuan.](#)

[Menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.](#)

12. Jelaskan fungsi badan perundangan berikut. **TP 4**

Badan Perundangan	Fungsi
(a) Parlimen	Menggubal undang-undang, membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.
(b) Dewan Negara	Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.
(c) Dewan Rakyat	Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.
(d) Dewan Undangan Negeri (DUN)	Menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

13. Lengkapkan hierarki badan kehakiman Malaysia. **TP 4**



SP 12.3.5 Merumus keunikan amalan demokrasi berparlimen di negara kita

14. Lengkapkan ayat di bawah. TP 2

- (a) Pemerintahan beraja merupakan unsur tradisional, iaitu warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
- (b) Unsur moden ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.
- (c) Gabungan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik dalam mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik yang mempunyai pelbagai bangsa, agama dan budaya di negara kita.



Nota Visual
Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen

Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran

- Berparlimen
- sosiopolitik
- mengimbangi
- Westminster

Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran

- Eksekutif
- berkecuali
- Kehakiman
- perselisihan
- semak dan imbang
- pengasingan kuasa

- (a) Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang antara satu sama lain.
- (b) Pemerintahan beraja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara bagi mengimbangi amalan demokrasi.
- (c) Kuasa pengimbang yang ada pada Raja mampu meredakan konflik dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan dalam masyarakat.
- (d) Konsep pengasingan kuasa antara Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran.
- (e) Badan Perundangan berperanan menggubal undang-undang yang dilaksanakan oleh Badan Eksekutif.
- (f) Badan Kehakiman pula akan membuat penyelesaian jika timbul kekeliruan atau konflik.

- (a) Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.
- (b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan Ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri.
- (c) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen.
- (d) Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik Ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- (e) Raja dan Yang di-Pertua Negeri juga mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran DUN.

Kuasa budi bicara Raja

- nasihat
- Parlimen
- budi bicara
- pembubaran
- Perdana Menteri

Cuba jawab Praktis Sumatif, K1, S10

Kerjasama politik

- kerajaan
- perundingan
- permuafakatan
- Parti Perikatan
- Barisan Nasional
- Perikatan Nasional



- (a) Melibatkan perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip toleransi, perundingan dan pengorbanan bagi mewakili suara setiap kaum.
- (b) Permuafakatan parti politik pelbagai kaum dan ideologi dalam satu gabungan membolehkan parti-parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan di negara kita.
- (c) Sejak Pilihan Raya Umum Pertama pada tahun 1955, gabungan parti politik berasaskan kaum dibentuk atas nama Parti Perikatan.
- (d) Gabungan tersebut kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional memenangi 13 kali Pilihan Raya Umum untuk membentuk Kerajaan Persekutuan.
- (e) Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018, negara telah mencatat sejarah dalam permufakatan politik apabila Pakatan Harapan memperoleh mandat daripada rakyat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan.
- (f) Pada Februari tahun 2020, kerjasama politik telah mewujudkan Perikatan Nasional untuk menggantikan Pakatan Harapan dalam pemerintahan negara kita.

15. Lakukan aktiviti berikut. TP 6

AKTIVITI PAK-21

Pusingan dan Pendapat

- (a) Guru menayangkan klip video <https://www.youtube.com/watch?v=f7pGTDb5PQE>
- (b) Murid diberikan lembaran kerja dan menjawab soalan mengikut masa yang ditetapkan.
Contoh soalan:
 - (i) Apakah bentuk sistem demokrasi?
 - (ii) Apakah keunikan demokrasi di negara kita?
 - (iii) Mengapakah sistem demokrasi perlu dipertahankan?
 - (iv) Jelaskan cabaran mengekalkan sistem demokrasi di negara kita.
- (c) Murid dikelaskan mengikut lembaran kerja masing-masing.
- (d) Pasangan di sebelah akan menanda dan memberi komen melalui perbincangan di dalam kelas.
- (e) Guru membuat kesimpulan daripada perbincangan yang dibuat.

KUASAI SPM

PRAKTIS SUMATIF

KERTAS 1

1. Peluasan kuasa Kesultanan Melayu Melaka telah membentuk legasi yang mewarisi sistem pemerintahan kesultanan tersebut.

Buku Teks ms. 38

Apakah legasi kesultanan tersebut?

- I Johor Riau
- II Pahang
- III Terengganu
- IV Kelantan
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

2. Apakah peranan Residen dalam pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?

Buku Teks ms. 39

- A** Mengutip cukai
- B** Menasihati sultan
- C** Mempertahankan negeri
- D** Menggubal perlembagaan

3. Mengapakah fungsi Majlis Sultan-Sultan yang ditubuhkan pada tahun 1946 gagal?

Buku Teks ms. 43

- A** Perang Dunia Kedua meletus
- B** Pemberontakan golongan radikal
- C** Pembubaran persidangan Raja-raja
- D** Penentangan Malay Union

4. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah menganggotai Majlis Raja-Raja tidak turut serta dalam mesyuarat khas

Buku Teks ms. 44

- A** pemilihan Yang di-Pertuan Agong
- B** perubahan dasar bumiputera Sabah
- C** Lembaga Pengampunan Mahkamah
- D** perubahan persempadanan negeri

5. Apakah kedudukan Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

Buku Teks ms. 47

- A** Melantik menteri mengikut budi bicara
- B** Dipecat daripada jawatannya oleh menteri
- C** Dikecualikan daripada prosiding mahkamah
- D** Memperkenankan pembubaran mahkamah

6. Apakah bidang kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong?

Buku Teks ms. 48

- A** Pembubaran Parlimen
- B** Pengisytiharan darurat
- C** Pemberian pengampunan
- D** Pelantikan diplomat negara

7. Mengapakah pilihan raya penting kepada sesebuah negara?

Buku Teks ms. 50

- A** Memudahkan pentadbiran
- B** Mandat membentuk kerajaan
- C** Menyelesaikan konflik politik
- D** Menyelaraskan dasar pemerintahan


8. Kebebasan asasi yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak bersifat mutlak. Mengapakah pernyataan tersebut ditetapkan?

Buku Teks ms. 51

- A** Membendung pencerobohan sempadan
- B** Memastikan ketenteraman awam
- C** Mengawal tingkah laku rakyat
- D** Meningkatkan keselamatan

9. Rajah merujuk kepada struktur Parlimen.

Buku Teks ms. 53



Apakah X?

- A** Ketua Menteri
- B** Perdana Menteri
- C** Yang di-Pertua Negeri
- D** Yang di-Pertuan Agong

10. Apakah persamaan bidang tugas yang boleh menggunakan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong di peringkat persekutuan dan raja di peringkat negeri?

Buku Teks ms. 57

- A** Mewartakan dasar negara
- B** Melantik ketua kerajaan
- C** Memilih duta negara
- D** Membubarkan DUN

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Klu Soalan

Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah dan dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja. Baginda diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan tidak boleh dikenakan apa-apa pun prosiding di mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas.

- 1.** Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka memperuntukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.

Buku
Teks
ms.
46–47

- (a) Jelaskan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam perlembagaan tersebut.

Diberi keutamaan daripada segala orang di dalam persekutuan.

Tidak boleh dikenakan apa-apa pun prosiding di Mahkamah.

Kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-Raja.

Bagi tempoh lima tahun tetapi boleh meletakkan jawatannya.

Boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja.

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan?

Dipilih dalam kalangan raja yang memerintah.

Sembilan buah negeri dalam Persekutuan, iaitu Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang.

Dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja.

Menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.

[3 markah]

- (c) Kesetiaan kepada raja dan negara perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi. Bincangkan pernyataan tersebut.

Dapat memupuk perasaan cinta akan raja dan negara.

Melalui pembacaan Rukun Negara setiap pagi.

Mewujudkan rasa bangga dalam diri kanak-kanak.

Apabila dewasa akan menzahirkan perasaan untuk berkhidmat untuk negara.

Sanggup berkorban demi raja, negara dan bangsa.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

2. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara Malaysia.

Buku
Teks
ms.
48 – 49

(a) Senaraikan bidang kuasa baginda dalam perkara berikut:

(i) Kuasa eksekutif

Melantik Perdana Menteri / Jemaah Menteri.

Melantik jawatan penting / Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera.

Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Melantik diplomat Malaysia ke luar negara / duta.

[3 markah]

(ii) Kuasa perundangan

Memperkenankan rang undang-undang.

Berkuasa memanggil Parlimen bersidang.

Ketua agama Islam bagi negeri baginda / negeri tiada Sultan.

Melindungi kedudukan orang Melayu / bumiputera.

[3 markah]

(b) Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berperlembagaan diamalkan di negara kita. Jelaskan kepentingan pengamalan kedua-dua sistem tersebut.

Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara dalam bidang tertentu.

Pelantikan Perdana Menteri.

Mengisytiharkan Undang-undang Darurat.

Sekiranya mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.

Rakyat bebas membuat pilihan wakil pemimpin melalui pilihan raya.

Lebih telus dan adil.

[4 markah]

BAHAGIAN B

Klu Soalan

Antara fungsi Majlis Raja-Raja ialah memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja, memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan tertentu, memperkenankan perubahan persempadanan negeri dan memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

1. Majlis Raja-Raja merupakan institusi beraja yang terdapat di Malaysia.

Buku
Teks
ms.
42 – 45

(a) Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja.

[6 markah]

(b) Bandingkan peranan Majlis Raja-Raja sebelum dan selepas merdeka.

[8 markah]

(c) Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja bertindak sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi.

Berikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut.

[6 markah]

2. (a) Bagaimanakah pilihan raya di negara kita diadakan?

[4 markah]

Buku
Teks
ms.
50 – 51

(b) Terangkan kebebasan asasi atau hak asasi di negara kita.

[8 markah]

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat dapat memelihara kebebasan asasi bagi menjamin ketenteraman dan kesejahteraan awam?

[8 markah]

APLIKASI KBAT



Kuasa budi
bicara

Nasihat Jemaah
Menteri

Memberi bantuan
kewangan

Memberi sokongan
moral

Mengisytiharkan
Undang-undang
Darurat

Menghormati
institusi beraja

Tidak
memperlekehkan
institusi beraja

Petikan berikut berkaitan pemerintahan sistem Raja Berperlembagaan di negara kita.

“Menerusi sistem Raja Berperlembagaan, DYMM Raja-Raja bagi negeri-negeri hendaklah bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar. Sementara di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri dalam semua perkara kecuali dalam beberapa perkara yang disebut sebagai kuasa budi bicara.”

Sumber : <https://www.mais.gov.my/kepentingan-mendaulkan-institusi-beraja/>

1. Ulaskan maklumat tersebut mengikut pengetahuan sejarah anda. **KBAT** Menganalisis

Yang di-Pertuan Agong / Sultan tiada kuasa mutlak. Baginda mempunyai kuasa budi bicara dalam perkara-perkara tertentu. Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri. Kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri / Menteri Besar. Mempunyai budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen / DUN.

2. Semasa menghadapi pandemik Covid-19, bagaimanakah institusi beraja dapat membantu menghapuskan kegusaran rakyat? **KBAT** Menganalisis

Yang di-Pertuan Agong / Sultan turun padang dalam memberi semangat kepada rakyat dan memberi bantuan kewangan. Sultan Johor memberi sumbangan ventilator kepada hospital dan memperkenan agar elaun dipotong. Yang di-Pertuan Agong memberikan sokongan moral kepada rakyat dengan mengagihkan bantuan makanan kepada rakyat terutama di kawasan kawasan pedalaman. Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Undang-undang Darurat bagi mengelak berlakunya pilihan raya dan membendung wabak daripada tersebar lebih luas.

3. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda mengukuhkan institusi raja? **KBAT** Mencipta

Menghormati institusi beraja. Menjunjung segala titah raja. Menjaga maruah raja dan negara. Tidak memburukkan institusi beraja di media sosial. Melaporkan kegiatan yang memperlekehkan institusi beraja. Menghadiri adat istiadat yang dianjurkan oleh Istana Negara / Negeri.